

# Amaran Dr. M kepada yang berhutang

2 JUL 1979

**I**POH 1 Julai — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa tindakan-tindakan tegas tetap akan diambil terhadap mereka yang sengaja tidak membayar semula hutang kepada kerajaan.

Sambil menyatakan sikap kerajaan yang tidak berdiam diri terhadap mereka yang melupakan hutang-hutang yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan, beliau berkata:

"Hutang-hutang ini akan dituntut dan mereka yang berhutang wajib membayarnya.

"Kita tahu siapa yang berhutang, tetapi kita tidak mahu buat bising sekarang," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir ketika berucap merasmikan mesyuarat agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Perak di sini hari ini.

Bercakap mengenai perniagaan "Ali Baba," Timbalan Perdana Menteri berkata, tidak ada halangan bagi bumiputera menjalankan konsep kerjasama perniagaan tersebut, tetapi ianya janganlah disalahgunakan.

Apa yang malang hari ini, menurut beliau, kerjasama Ali Baba itu cuma melibatkan si 'Baba' mengeluarkan modal serta mengendalikan perniagaan, manakala si 'Ali' cuma duduk

berdiam diri tanpa mengambil kesempatan sepenuhnya dari kerjasama itu.

"Golongan seperti ini adalah golongan yang sanggup menjual nama bagi mendapatkan cuma sedikit faedah. Sikap seperti ini adalah amat merugikan," katanya.

Beliau menekankan, konsep kerjasama dengan bukan bumiputera adalah penting dalam hubungan menjayakan Dasar Ekonomi Baru kerana "kita memerlukan simpati dari kaum-kaum lain di samping simpati dari kaum kita sendiri."

Sambil itu Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bumiputera supaya jangan memasuki bidang perniagaan dan perusahaan hanya menyambut seruan kerajaan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru, sedangkan mereka sebenarnya tidak mempunyai sikap dan kemahuan secara sungguh-sungguh.

Beliau menarik perhatian bagaimana terdapat ramai orang yang mahu jadi kaya cepat dengan membuka berbagai-bagai perniagaan secara serentak, malangnya tidak semua dari mereka yang mencapai kejayaan.

"Usahkan untuk perniagaan yang sederhana, menjual goreng pisang pun si penjual terpaksa menghadapi berbagai masalah," ujar beliau sambil menambah:

"Ini kerana bidang perniagaan adalah satu bidang yang mencabar dan kejayaan cuma diuntukkan kepada mereka yang tekun, sabar dan berusaha sahaja."